

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah projek-projek terbengkalai di Bandar Armada Putra, Pulau Indah sehingga menjelaskan pemandangan para pelancong yang datang ke *Star Cruise*?
  - Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memulihkan projek-projek ini agar Bandar Armada Putra dapat dibangunkan semula?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Yang Berhormat, pemaju asal bagi keseluruhan pembangunan projek-projek perumahan di Bandar Armada Putra, Pulau Indah iaitu Tetuan Brisdale Holding Sdn Bhd telah digulung pada 25 September 2008 dan diletakkan di bawah Pelekuidasi (Rimbun Corporate Advisory Sdn Bhd) pada 31 Mac 2010. Berdasarkan rekod Pelekuidasi sebahagian projek-projek perumahan yang terbengkalai ini merangkumi 246 unit rumah bandar yang telah dibeli oleh pemaju baru iaitu Tetuan Casa Quay pada tahun 2013. Manakala merujuk rekod Majlis Perbandaran Klang (MPK) sebahagian projek perumahan dan komersial yang telah siap dengan CF serta terbiar adalah di bawah tanggungjawab pembeli. Sehubungan itu, untuk menangani isu perumahan terbiar sehingga menjelaskan pemandangan di kawasan berkenaan, Kerajaan Negeri melalui pihak MPK akan menjalankan siasatan serta mengeluarkan notis secara pentadbiran kepada pembeli berkaitan supaya kerja-kerja pembersihan kawasan projek dapat dilaksanakan atas dasar keselamatan penduduk sekitar dan keindahan di kawasan projek terbiar tersebut.
- Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod MPK Tetuan Casa Quay telah mengemukakan permohonan pembangunan baru pada 10 Januari 2019 bagi pembinaan pemulihan projek terbengkalai 32 unit rumah bandar daripada 246 unit di atas sebahagian Lot PT49975. Manakala Pelekuidasi (Rimbun Corporate Advisory Sdn Bhd) sedang mendapatkan pemaju penyelamat yang berminat untuk mengambil alih sebahagian lagi projek yang terbengkalai untuk dipulihkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT SELANGOR**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk bekerjasama dengan semua sekolah-sekolah yang berada di Negeri Selangor?
  - b) Sejauh manakah keberkesanan Program Pusat Tuisyen Rakyat Selangor ini sejak dilaksanakan?
  - c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan lagi Program Pusat Tuisyen Rakyat Selangor kepada sekolah-sekolah di negeri ini?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PEWARTAAN TANAH JETI-JETI NELAYAN DI NEGERI SELANGOR**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah Kerajaan Selangor akan memulakan proses pewartaan tanah bagi kesemua 52 tanah jeti nelayan di Negeri Selangor?
  - Bilakah proses pewartaan tanah jeti-jeti nelayan Negeri Selangor tersebut akan dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

**PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG**

- Ya.
- Pada masa ini Pejabat Daerah/Tanah Klang tidak menerima sebarang permohonan yang melibatkan perwartaan tanah jeti nelayan.

**PEJABAT DAERAH / TANAH SEPANG**

- Ya.
- Setakat ini tiada permohonan pewartaan jeti nelayan diterima oleh Pejabat Daerah/Tanah Sepang daripada mana-mana pihak.

Proses pewartaan tanah Kerajaan untuk tujuan awam tertentu termasuk jeti nelayan hanya akan dimulakan setelah permohonan lengkap (termasuk pelan pra-perhitungan) diterima daripada agensi peminta.

**PEJABAT DAERAH / TANAH KUALA LANGAT**

- Ya.
- Walau bagaimanapun, setakat ini tiada permohonan pewartaan jeti nelayan diterima oleh Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat daripada mana-mana pihak.

**PEJABAT DAERAH / TANAH KUALA SELANGOR**

- Ya.

- b) Bagi Daerah Kuala Selangor, terdapat dua (2) kawasan jeti yang sedang dalam proses pewartaan. Kawasan yang terlibat adalah seperti berikut;
- i. PT 2425 – Permohonan pewartaan di atas tanah Kerajaan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara seluas 10435 meter persegi (1.0435 Hektar) bagi tujuan Tapak Jeti Cawangan Perlindungan Sumber dan Bot-Bot Tahanan Perikanan di Bandar Kuala Selangor, dan
  - ii. Lot 29896 – Permohonan Perizaban bagi tujuan pewartaan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara seluas 5764 meter persegi bagi tujuan Tapak Jeti Pendaratan Ikan di Sg. Sembilang, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor.

#### **PEJABAT DAERAH / TANAH SABAK BERNAM**

- a) Ya. Bagi Daerah Sabak Bernam, terdapat enam kawasan jeti / bagan yang telah dikenalpasti untuk pewartaan. Lokasi tersebut adalah di Bagan Sekinchan, Bagan Sungai Besar, Bagan Sungai Burung, Bagan Sungai Lang, Bagan Parit Baru dan Bagan Sungai Pulai.
- b) Namun sehingga kini, hanya Bagan Sekinchan yang telah diluluskan pewartaan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara oleh Y.A.B Menteri Besar pada 15 Mac 2017. Permohonan Ukur telah dihantar kepada JUPEM pada 11 Julai 2017. Proses pewartaan hanya dapat diselesaikan selepas Pelan Warta (PW) diperolehi. Kawasan-kawasan lain yang dinyatakan sedang dalam proses penyediaan Pelan Pra Hitungan sebelum permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan Pewartaan dikemukakan ke Pejabat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PENJAJARAN PROGRAM-PROGRAM INISIATIF PEDULI RAKYAT  
(IPR) NEGERI SELANGOR**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap penajaran semula Program-Program IPR Negeri Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan memaklumkan kepada umum mengenai Program-Program Inisiatif Peduli Rakyat yang telah diberhentikan?

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Penajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan juga Data eKasih yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini.

Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah penjenamaan semula Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu.

Retreat EXCO 2018 pada 13 hingga 16 Ogos 2018 telah memutuskan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membentangkan keberkesanan dan keperluan penajaran program IPR dengan mengambil kira perkara seperti berikut :

- i. Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii. Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii. Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebijakan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Selain itu, penajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i. Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii. Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii. Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 1/2019 melalui cabutan minit yang telah disahkan pada 26 Januari 2019 telah memutuskan bahawa keperluan mengenai penjajaran dan penyusunan semula IPR perlu dimuktamadkan segera mengikut cadangan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sehubungan itu, UPEN telah menganjurkan Persidangan Pengendali IPR pada 25 hingga 26 Februari 2019 bertempat di Hotel *Best Western, i-City Shah Alam* dengan menghimpunkan sebanyak 43 pengendali IPR Negeri Selangor bagi membincangkan cadangan penjajaran dasar dan program IPR sedia ada dan seterusnya memperkasakan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama iaitu seperti berikut:

- i. Diteruskan seperti ada (merangkumi 20 Program IPR);
- ii. Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
  - a) Pindaan daripada segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 14 Program IPR); dan
  - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR)

(Rujuk lampiran I untuk butiran lanjut)

Walau bagaimanapun, kesemua cadangan penjajaran program IPR ini akan dibentangkan secara terperinci semasa Retreat Exco yang akan diadakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019 bagi mendapatkan keputusan dasar pelaksanaan yang akan dimuktamadkan kelak oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini semua Program IPR masih berjalan seperti biasa dan tidak akan dimansuhkan malah sebaliknya dijajarkan bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat IPR Selangor.

Bagi pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bercadang untuk mengadakan kerjasama

dengan pihak ICU, JPM supaya Sistem eKasih digunakan sebagai satu sumber data asas dalam proses verifikasi penerima bantuan. Selain itu, UPEN juga sedang dalam peringkat perbincangan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan Data Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam proses verifikasi penerima pada masa akan datang.

Pada masa kini, pihak Kerajaan Negeri sedang membangunkan Sistem *Smart IPR* yang dicadangkan sebagai *One Stop Center* untuk semua permohonan IPR melalui portal atau aplikasi *mobile* di mana maklumat permohonan untuk semua skim disimpan dalam satu data berpusat dan boleh diakses oleh semua pihak. Sistem *Smart IPR* ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan seterusnya akan siap digunakan secara berperingkat mulai bulan Februari 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : MODERN PIG FARMING DI DAERAH KUALA LANGAT**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk mempercepatkan pelaksanaan *Modern Pig Farming* di Daerah Kuala Langat?
  - Bilakah projek *Modern Pig Farming* tersebut akan dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- Bagi tujuan mempercepatkan pelaksanaan *Modern Pig Farming* di Daerah Kuala Langat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 26 Oktober 2018 telah memberikan persetujuan secara dasar terhadap sebarang cadangan pelaksanaan Projek Pembangunan *Modern Pig Farming* (MPF) di Daerah Kuala Langat dengan syarat ianya mematuhi syarat dan peraturan yang berkuatkuasa. Sehubungan dengan itu, mana-mana syarikat yang berminat boleh menghantar secara terus permohonan pelaksanaan projek tersebut kepada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan agensi-agensi berkaitan untuk kelulusan.
- Memandangkan projek tersebut adalah bersifat inisiatif swasta (*private initiative*), maka pelaksanaanya adalah bergantung kepada kelulusan pihak yang bertanggungjawab terhadap permohonan yang bakal dikemukakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PEWARTAAN TANAH KAMPUNG ORANG ASLI DI NEGERI SELANGOR**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mengambil inisiatif dalam melakukan pewartaan tanah bagi Kampung Orang Asli di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri dimaklumkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Selangor bahawa terdapat 74 Kawasan Orang Asli di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah mewartakan sebanyak 26 Kawasan Orang Asli di Negeri Selangor manakala baki sebanyak 48 Kawasan Orang Asli sedang dalam tindakan JAKOA, Pejabat Daerah dan Tanah dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor.

Pihak Berkuasa Negeri akan meluluskan perizaban mana-mana Tanah Kerajaan untuk maksud penempatan/ kawasan Orang Asli melalui permohonan lengkap yang dikemukakan oleh JAKOA bersama pelan pra-hitungan (*pre-com plan*) yang disediakan oleh Juruukur Berlesen. Permohonan akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Seterusnya kawasan yang telah diluluskan sebagai Kawasan Orang Asli akan ditanda oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk pengeluaran Pelan Warta (PW). Setelah Pelan Warta diperolehi maka urusan pengisytiharan perizaban Kawasan Orang Asli akan diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, ketiadaan pelan pra hitungan yang disediakan oleh Juruukur Berlesen akan menyebabkan proses kelulusan perizaban tidak dapat dilaksanakan kerana penentuan garis sempadan tanah tidak dapat dikenalpasti. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor sentiasa mengadakan mesyuarat berkala bersama pihak JAKOA dan semua Pentadbir Tanah bagi membantu menyelesaikan urusan pewartaan Kawasan Orang Asli. Laporan status permohonan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor sebanyak empat (4) kali setahun.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 35/2018 pada 9 November 2018 telah bersetuju memperuntukan sebanyak RM1.5 juta untuk kerja-kerja

pengukuran bagi menyelesaikan isu pewartaan Kawasan Orang Asli di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI SELANGOR**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam segi pembangunan infrastruktur untuk membantu industri pelancongan?
  - Nyatakan fungsi dan laporan kewangan (tahun 2007-2019) untuk Syarikat TSSB.

**JAWAPAN:**

- Pelbagai inisiatif yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan dan membangunkan infrastruktur Industri Pelancongan di Negeri Selangor dan kawasan berpotensi tinggi menjadi kawasan pelancongan dan riadah yang menarik antaranya seperti:-
  - Pembangunan Pelancongan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur yang mesra alam dan mesra pelancong.
  - Kemudahan jalan serta akses, tempat parkir dan nilai komersial menggambarkan “x-factor” dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut. Peruntukan menaik taraf produk-produk dan kemudahan pelancongan ini bergantung kepada permohonan yang dikemukakan oleh setiap Pejabat Tanah/ Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan.
  - Penyediaan ‘Master Plan’ Pelancongan Negeri Selangor dan pembahagian Kluster Pelancongan mengikut segmen pelancongan yang akan menjadi panduan pembangunan infrastruktur pelancongan di peringkat Negeri Selangor.
  - Aktiviti promosi yang giat dijalankan oleh pihak Tourism Selangor bersama-sama organisasi pelancongan yang lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Tourism Malaysia dan Agensi Pelancongan bagi memasarkan produk pelancongan dan kawasan riadah yang ada di kawasan pelancongan kepada para pelancong.

- v) Program latihan untuk Hos Komuniti Selangor ini merupakan program pemungkin menggunakan pendekatan ‘*Community Base Tourism Delivery Management*’. Program ini diadakan adalah untuk untuk melantik dan melatih pemandu pelancong setempat di seluruh Negeri Selangor secara profesional. Program sulung atau ‘*Pioneer*’ ini telah dijalankan bagi 3 Daerah dahulu, iaitu Daerah Klang, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam pada Tahun 2018. Untuk Tahun 2019, program ini akan diteruskan di Daerah Hulu Selangor, Daerah Kuala Langat dan Daerah Hulu Langat. Program ini dianjurkan bagi mencapai manfaat untuk; Meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar; Menjadikan Budaya dan Warisan setempat sebagai produk pelancongan yang mapan; Menggalakkan komuniti setempat untuk memelihara warisan tempatan; dan Membangunkan produk pelancongan yang mesra alam sekitar. Program ini akan diaplikasikan kepada daerah yang lain di Negeri Selangor.
- b) Secara dasarnya TSSB merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri yang ditubuhkan sebagai bersifat bukan keuntungan (*Non-profit Organization*).

**Objektif** : Mempromosikan Industri Pelancongan Negeri Selangor

- Menjadi badan pelancongan yang mempromosikan produk-produk pelancongan di Selangor, mengendalikan acara-acara yang memberi impak besar kepada sektor pelancongan di Negeri Selangor dan juga dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara serta mengenalpasti produk pelancongan yang boleh diketengahkan kepada pelancong luar khususnya.

Sepanjang penubuhan TSSB sehingga sekarang prestasi kewangan syarikat sentiasa berada dalam keadaan baik dan segala acara serta program pelancongan dapat dilaksanakan dengan lancar. Berikut adalah prestasi kewangan syarikat

- Pendapatan/(Kerugian) dari tahun 2007 sehingga 2019.

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Keuntungan/(Kerugian)</b>
		<b>Tahunan (RM)</b>
1	2007	61,316
2	2008	(430,023)
3	2009	(183,173)
4	2010	58,488
5	2011	2,111,591
6	2012	1,471,439

Bil.	Tahun	Keuntungan/(Kerugian) Tahunan (RM)
7	2013	(989,167)
8	2014	(2,857,191)
9	2015	(329,290)
10	2016	1,094,155
11	2017	67,881
12	2018	153,755
13	2019	(135,453)

\*Penyata Kewangan bagi Tahun 2018 belum diaudit.

\*Penyata Kewangan bagi Tahun 2019 sehingga Januari 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN FIBER OPTIK**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan kawasan-kawasan yang masih tidak mempunyai perkhidmatan fiber optik di DUN Rawang.
  - Apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai rangkaian gentian optik telekomunikasi di DUN Rawang. Perkhidmatan telekomunikasi berasaskan gentian optik di DUN Rawang disediakan oleh pemberi perkhidmatan “*service provider - SP*” swasta. SMARTSEL tidak mempunyai data khusus mengenai kawasan-kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan gentian optik telekomunikasi di DUN Rawang. Pihak pembekal perkhidmatan sedia ada, tidak dapat memberikan informasi tersebut kerana data-data yang diminta diklasifikasikan sebagai maklumat sulit syarikat (*company confidential*). SMARTSEL masih dalam perbincangan untuk mendapatkan maklumat tersebut bagi menyelaras pembangunan bersepadu rangkaian gentian optik untuk seluruh Selangor.
- Dalam masa yang sama, usaha untuk meningkatkan keupayaan liputan WiFi di kawasan luar bandar, pihak Kerajaan Negeri Selangor sedang melaksanakan suatu kajian bagi mengenal pasti penyelesaian untuk membina infrastruktur digital khususnya rangkaian data melalui projek *Selangor Wide Area Network (SWAN)* yang merupakan salah satu inisiatif Smart Selangor di bawah domain *Smart Digital Infrastructure*. SWAN bertujuan untuk menyambungkan semua agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan rangkaian data dan Internet berkelajuan tinggi termasuk menggunakan gentian optik, dan seterusnya melebarkan kemudahan Internet dan jalur lebar tersebut ke kawasan-kawasan persekitaran. Buat masa ini, Projek SWAN masih di peringkat kaji selidik.

SMARTSEL juga sedang berinteraksi secara aktif dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam merencanakan polisi dan rancangan terperinci dari kerajaan pusat melalui SKMM yang sedang menyiapkan “*National Fiberisation and Connectivity Plan - NFCP*” dalam masa terdekat. Ini akan membolehkan SMARTSEL membangunkan rangkaian

gentian optik telekomunikasi dengan lebih tersusun dan sejajar dengan haluan kerajaan Malaysia dan di mana Selangor juga boleh menggunakan dana “*Universal Service Provision – USP*” untuk pembangunan infrastruktur digital di kawasan luar bandar yang kekurangan capaian perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PROGRAM JOM SHOPPING**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan bilangan Jom Shopping *voucher* yang telah diedarkan setiap tahun mengikut DUN.
  - Apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan Jom Shopping *voucher* adalah diberi kepada golongan yang miskin?

**JAWAPAN:**

- Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan atau lebih dikenali sebagai Program *Jom Shopping* merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Ianya merupakan program bantuan bersempena tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali di mana setiap keluarga yang kurang berkemampuan akan diberikan baucar untuk pembelian barang keperluan bernilai RM100 di pasar raya terpilih. Objektif program ini adalah untuk meringankan beban keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Program ini melibatkan peruntukan berjumlah RM8.4 juta dan sasaran tahunan seramai 84,000 orang penerima manfaat.

Pembahagian baucar mengikut DUN bagi Program Bantuan Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan adalah berdasarkan kepada data jumlah pengundi berdaftar mengikut kaum di dalam DUN berkenaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Manakala statistik penerima bantuan bagi Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan mengikut kaum dari tahun 2012 hingga tahun 2018 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

- Bagi memastikan Program *Jom Shopping* dilaksanakan dengan baik dan teratur, Kerajaan Negeri melalui Seksyen Sektoral, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah bekerjasama dengan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) untuk membangunkan Sistem *Jom Shopping* Perayaan sejak tahun 2013. Sistem ini merupakan satu mekanisma yang digunakan oleh Kerajaan

Negeri untuk memastikan maklumat penerima manfaat disimpan dengan baik, lengkap dan tersusun di dalam satu pangkalan data.

Berdasarkan kepada prosedur dan kaedah pelaksanaan program, penerima-penerima manfaat bagi setiap DUN adalah dikenalpasti oleh Pusat Khidmat DUN masing-masing berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan seperti berikut:-

- i) Penerima bantuan adalah masyarakat yang menyambut perayaan berkenaan;
- ii) Penerima bantuan mestilah mempunyai pendapatan seisi rumah RM1,500.00 dan ke bawah;
- iii) Penerima bantuan mestilah pengundi berdaftar di DUN berkenaan;
- iv) Hanya seorang penerima bantuan sahaja yang layak menerima baucar bagi setiap keluarga; dan
- v) Penerima bantuan bukanlah penerima manfaat di bawah Program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS).

Maklumat-maklumat penerima manfaat yang telah dikenalpasti layak dan memenuhi syarat-syarat kelayakan ini akan didaftarkan ke dalam Sistem *Jom Shopping* oleh petugas Pusat Khidmat DUN masing-masing. Maklumat-maklumat ini merangkumi nama, nombor kad pengenalan, umur, alamat, jantina, kaum, status perkahwinan, nombor telefon, jumlah pendapatan seisi rumah, maklumat pasangan dan nombor kupon.

Dengan adanya sistem ini, pihak petugas Pusat Khidmat DUN dapat mengenalpasti penerima-penerima manfaat baharu yang tidak pernah mendapat bantuan melalui program ini serta memastikan sendiri tiada penerima manfaat yang sama atau berulang pada setiap tahun berdasarkan maklumat-maklumat sedia ada yang telah didaftarkan di dalam sistem.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PUSAT PENYEMBELIH AYAM**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri atas pembinaan Pusat Penyembelih Ayam DBKL di kawasan sempadan Selangor yang tidak mempunyai jarak zon penampang sejauh 500m?
- b) Adakah pembinaan Pusat Penyembelih Ayam di kawasan DBKL tersebut memerlukan ulasan daripada Kerajaan Negeri disebabkan isu kegunaan jalan negeri dan ancaman keselamatan penduduk Selangor?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri melalui pihak Berkuasa Tempatan tidak menghalang sebarang bentuk pembangunan yang ingin dilaksanakan. Di dalam isu cadangan pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam DBKL di kawasan sempadan Selangor, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) berpandangan bahawa cadangan tersebut tidak sesuai dilaksanakan kerana pusat penyembelihan ayam yang dicadangkan ini tergolong di dalam kategori industri berat, dimana zon penampang 300 meter adalah diperlukan bagi mengelakkan berlakunya pencemaran bau, bunyi dan lain-lain. Dalam masa yang sama kawasan perumahan terdekat adalah di dalam lingkungan 200 meter dan ini boleh memberi kesan kepada penduduk setempat sekiranya pembinaan pusat penyembelihan ayam dibenarkan.

Selain itu, pihak MPS juga telah membuat beberapa perbincangan yang melibatkan Ahli Majlis Kawasan dan mendapati Pusat Penyembelihan ini sememangnya tidak sesuai dibina dikawasan tersebut memandangkan jarak zon penampang yang tidak sesuai, kesesakan trafik yang teruk terutama melibatkan kawasan sempadan MPS di samping isu-isu yang dibangkitkan seperti di atas.

Oleh yang demikian, Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, MPS bilangan 4/2018 bertarikh 7 September 2018, telah mencadangkan agar satu kajian jangka masa panjang perlu dibuat terhadap cadangan Pusat Penyembelihan Ayam ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN BAS AWAM**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak tahun 2018 terdapat banyak aduan berkenaan kekurangan perkhidmatan bas awam disebabkan pengurangan subsidi *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) kepada pengusaha bas, apakah tindakan atau perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik perkhidmatan bas awam di dalam negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Pemberian subsidi *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) adalah daripada Kerajaan Persekutuan kepada operator perkhidmatan bas henti-henti. Ia merupakan tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk memastikan jaringan pengangkutan awam akan lebih efisyen dan operator tersebut berkeupayaan untuk menyediakan perkhidmatannya dengan baik kepada rakyat.

Pengurangan subsidi ini memberi kesan ke atas pengurangan perkhidmatan bas awam kerana penyedia bas tidak mampu menampung kos perkhidmatan yang meningkat dengan jumlah pengguna bas yang rendah dan tidak mendatangkan keuntungan.

Namun, pada masa ini, Kerajaan Negeri hanya mampu menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor sebagai inisiatif kerajaan untuk mengatasi masalah jaringan pengangkutan awam di laluan sosial yang tidak pernah mempunyai perkhidmatan bas. Walau bagaimanapun, inisiatif ini juga tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa dan perkhidmatan bas ini memerlukan peruntukan yang tinggi serta memberi implikasi yang besar terhadap kewangan negeri yang sepatutnya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Namun demikian, Kerajaan Negeri juga akan merangka perancangan untuk bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan bas awam swasta yang efisyen dan berkemampuan bagi menyediakan perkhidmatan mereka seperti mana pengoperasian bas henti-henti sedia ada bagi menambahbaik sistem pengangkutan di kawasan yang dikenalpasti berdasarkan kajian pengangkutan awam yang dihasilkan oleh PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR (PKPS)**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan tanah-tanah yang dimiliki oleh PKPS di kawasan DUN Rawang.
  - Apakah perancangan atas tanah-tanah tersebut untuk membantu pengusaha pertanian?
  - Apakah perancangan dan pembangunan atas Fruit Valley Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai tanah-tanah yang dimiliki oleh PKPS di kawasan DUN Rawang dan kegunaannya adalah seperti berikut :-

Bil	Mukim	Keluasan (Hektar)	Syarat Nyata	Kegunaan Semasa
1	Rawang	12.14	Ternakan Ikan	Projek Ternakan Ikan Air Tawar
2	Rawang	7.29	Ternakan Ikan	Projek Ternakan Ikan Air Tawar
3	Rawang	3.49	Ternakan Ikan	Cadangan Rumah Ayam PKPS
<b>Jumlah</b>		<b>22.92</b>		

- b) Tanah-tanah yang dimiliki oleh PKPS di DUN Rawang telah dilaksanakan dengan projek Ternakan Ikan Air Tawar dan akan dilaksanakan dengan Rumah Ayam PKPS.
- c) Perancangan dan pembangunan ke atas Selangor Fruit Valley (SFV) mulai tahun 2019 hingga 2020 adalah seperti berikut :-
- Mengadakan high-tech farming oleh UPEN, PKPS dan usahawan lain menggunakan kaedah *hydroponics* dan *fertigation*.
  - Mengadakan usahasama perternakan udang lobster air tawar.

- iii. Menyediakan tempat penginapan seperti chalet, kawasan perkhemahan dan lain-lain.
- iv. Kerjasama dengan Jabatan Pertanian, MARDI dan MOA dari Taiwan untuk meningkat hasil pertanian bermutu tinggi dan menjadikan SFV sebagai model *farm* di Selangor.
- v. SFV sedang membina semula bangunan tambahan di laman VVIP untuk dijadikan pusat menimba ilmu melalui seminar dan *mini-conference* dengan berkonsepkan landskap moden serta tanaman pokok buah-buahan oleh pelawat VVIP.
- v. SFV berdaya menjadi tempat pengeluar madu lebah asli dan kelulut antara yang terbesar di Selangor.
- vi. Persiapan untuk meningkatkan Agro Tourism bertaraf antarabangsa dalam tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : GLC SELANGOR**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan lokasi tanah-tanah dan perancangan pembangunan tanah yang dimiliki oleh PKNS dan MBI di kawasan DUN Rawang.
  - Nyatakan perbezaan peranan antara MBI dengan PKNS.
  - Nyatakan prestasi kewangan MBI dan PKNS.

**JAWAPAN:**

**MENTERI BESAR INCORPORATED**

- Lokasi dan perancangan pembangunan tanah yang dimiliki oleh MBI di kawasan DUN Rawang adalah seperti berikut :

BIL.	LOKASI	PERANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH
1.	Plot C, Rawang	Perumahan

- MBI Selangor ditubuhkan di bawah Enakmen Menteri Besar Selangor (Enakmen No.3 tahun 1994) ("Enakmen") pada 21 September 1994. Enakmen itu memperuntukkan bahawa sesiapa yang sedang memegang jawatan atau melaksanakan fungsi Menteri Besar dan penggantinya adalah sebuah badan korporat di bawah nama "Menteri Besar Selangor".

MBI ditubuhkan untuk mentadbir aset dan pelaburan Kerajaan Negeri dan mewakili Negeri Selangor dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan yang di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ia memainkan peranan untuk mempromosikan dan menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri serta melaksanakan tanggungjawab sosial kepada rakyat. Pada asasnya, MBI Selangor adalah badan berkanun yang ditubuhkan untuk memacu kegiatan ekonomi dan sosial di Negeri Selangor bagi pihak Kerajaan Negeri.

- Prestasi kewangan MBI adalah seperti berikut:-

<b>Nama Syarikat</b>	<b>Keuntungan Selepas Zakat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (RM)</b>
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (“MBI”)	19,021,285

### **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**

- a) PKNS mempunyai dua (2) bidang tanah di Kundang seluas 56.38 ekar (No.Lot 14358) dan 24.513 ekar (No. PT 3937) di kawasan Tasik Puteri, Bandar Kundang Daerah Gombak untuk tujuan bangunan kediaman dan perniagaan.
- b) PKNS telah ditubuhkan pada 1 Ogos 1964 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 sebagai sebuah badan berkanun dan agensi pembangunan peringkat negeri.

Objektif penubuhan PKNS ialah seperti berikut:

- i) Menggalak, memaju dan membangunkan pusat pertumbuhan baru, kawasan kediaman, zon perindustrian, perdagangan dan menjalankan aktiviti-aktiviti seumpamanya serta aktiviti lain yang dibenarkan
  - ii) Melaksanakan semua dasar kerajaan yang melibatkan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat
  - iii) Meneroka dan menyertai bidang-bidang pelaburan dan perdagangan untuk mewujudkan penyertaan ekuiti dan pengurusan Bumiputera yang berkesan dalam perindustrian dan perdagangan
  - iv) Menyediakan landasan kearah mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) selaras dengan dasar Pembangunan Negara
  - v) Menjalankan sebahagian atau keseluruhan tugas atau kuasa-kuasa tempatan di kawasan-kawasan yang dibenarkan.
- c) Prestasi Kewangan PKNS (Belum Beraudit) bagi tahun 2018 adalah seperti berikut :

<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
Pendapatan (Belum Beraudit)	627.4 juta
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat (Belum Beraudit)	117.6 juta
Aset (Belum Beraudit)	6,854.0 juta
Keuntungan Terkumpul (Belum Beraudit)	5,005.3 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR (PPAS)**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan bilangan kunjungan dan pinjaman buku di perpustakaan bawah PPAS.
  - Adakah PPAS mempunyai rancangan untuk membangunkan perpustakaan secara laman web?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Y.B. Rawang, jumlah pengunjung yang telah mengunjungi Perpustakaan adalah seramai **8,258,415** orang sejak daripada tahun 2014-2018 berikut adalah jumlah pecahan pengunjung mengikut tahun dan daerah, cawangan, pekan, desa dan #SmartSelangor Mobile Library (SML)

Bil	Perpustakaan	2014	2015	2016	2017	2018	Jumlah
1	Perpustakaan Negeri	814,848	696,083	909,656	991,773	971,455	4,383,815
2	Daerah	238,618	246,582	273,828	246,965	215,250	1,221,243
3	Cawangan	145,395	155,975	172,423	89,158	89,598	652,549
4	Pekan	71,627	71,900	77,529	114,050	104,181	439,287
5	Desa Zon 1	197,133	182,762	190,612	196,385	190,140	957,032
6	Desa Zon 2	85,647	83,761	82,621	119,528	124,010	495,567
7	Bergerak	22,094	17,186	15,926	53,661	55.191	108,922
	<b>Jumlah</b>	<b>1,575,362</b>	<b>1,454,249</b>	<b>1,722,595</b>	<b>1,811,520</b>	<b>1,694,689</b>	<b>8,258,415</b>

Nota tambahan: Penurunan pada 2018 adalah disebabkan oleh penutupan 2 perpustakaan daerah iaitu Sg. Besar dan Gombak, 1 perpustakaan cawangan iaitu Tanjung Karang, dan 2 perpustakaan desa iaitu Bukit Kapar dan Jeram.

Manakala jumlah pinjaman buku oleh orang ramai di perpustakaan sejak daripada tahun 2014–2018 adalah sejumlah **3,741,352** naskah. Berikut adalah statistik jumlah pinjaman buku di perpustakaan

**PEMINJAMAN (NASKHAH):**

Bil	Perpustakaan	2014	2015	2016	2017	2018	Jumlah
1	Perpustakaan Negeri	138,569	168,838	166,174	152,287	157,339	783,207
2	Daerah	109,638	136,347	146,272	120,479	107,099	619,835
3	Cawangan	56,194	87,616	98,448	59,101	57,356	358,715
4	Pekan	70,189	68,605	59,985	79,448	91,243	369,470
5	Desa Zon 1	239,932	237,116	15,970	277,599	265,325	1,035,942
6	Desa Zon 2	101,565	106,145	11,082	126,119	107,067	451,978
7	Bergerak	19,412	7,820	7,826	40,129	47,018	122,205
	<b>Jumlah</b>	<b>735,499</b>	<b>812,487</b>	<b>505,757</b>	<b>855,162</b>	<b>832,447</b>	<b>3,741,352</b>

b) Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah menyediakan perkhidmatan perpustakaan atas talian (digital) seperti berikut:

- i) Online Public Access Catalogue (OPAC)
  - Katalog atas talian untuk pencarian buku di seluruh pusat perkhidmatan
- ii) Sistem pendaftaran keahlian
  - Pendaftaran keahlian secara atas talian di dalam laman web PPAS
  - Pembaharuan keahlian secara atas talian
- iii) Overdrive (e-Book)
  - Peminjaman dan pemulangan e-book secara percuma
- iv) Nusantara Audiobooks
  - Pengguna boleh mendapatkan kemudahan buku audio melalui [www.nusantaraaudiobooks.com](http://www.nusantaraaudiobooks.com)
- v) 8 Pangkalan Data Atas Talian yang dilanggan oleh PPAS

BIL	PANGKALAN DATA	KETERANGAN
1	Ebrary	Pangkalan data e-Book untuk golongan profesional 29,000 e-book bahan ilmiah dari 500 penerbit 16,000 judul dari ProQuest K12 <b>JUMLAH : 45,000 e-Book</b>
2	World Almanac	Kandungan digital berkaitan sains, peta, grafik, maklumat penyelidikan, fakta-fakta dunia
3	Overdrive	500 e-Book bahasa Inggeris Tambahan 200 e-Book secara percuma (60 video,

BIL	PANGKALAN DATA	KETERANGAN
		40 audiobook, 100 read-along book) <b>JUMLAH : 700 e-Book</b> Tambahan judul terbaru: <b>899 e-book</b> <b>JUMLAH KESELURUHAN: 1,599 e-book</b>
4	E-Sentral	500 e-Book terbitan Malaysia 200 e-Book terlaris 30 e-Book novel <b>JUMLAH : 730 e-Book</b>
5	Zinio	100 e-Majalah <b>JUMLAH : 100 e-Majalah</b>
6	Ookbee	e-Book dan e-Majalah terbitan Karangkraf Boleh akses kepada semua koleksi yang ada dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa
7	Bernama Library and Infolink Services (BLIS)	Kandungan digital berkenaan berita semasa, Arkib Bernama, kalendar peristiwa, teks ucapan, <i>sectoral report</i> , direktori dan bank data, berita luar negara
8	Emerald Management + Engineering	e-Jurnal (13 bidang pengurusan dan 26 bidang kejuruteraan) <b>JUMLAH : 175 tajuk e-Jurnal</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : KAD PEDULI SIHAT**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan pemohonan yang berjaya untuk Kad Peduli Sihat mengikuti kawasan DUN.
- b) Berapa peruntukan yang telah dipakai untuk kegunaan Kad Peduli Sihat mengikuti kawasan DUN?
- c) Nyatakan panel klinik yang telah didaftar bawah skim Kad Peduli Sihat di DUN Rawang.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pemegang kad yang telah diluluskan sehingga 10 Mac 2019 adalah sebanyak 384,375 kad. Pecahan mengikut kawasan Dewan Negeri adalah seperti berikut :

NO	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	NO	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	NO	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF
	KATEGORI KHAS	137,167	19	KAJANG - N25	5,146	38	BUKIT LANJAN - N37	3,738
1	BATANG KALI - N07	8,115	20	TAMAN MEDAN - N33	5,020	39	SEKINCHAN - N04	3,691
2	KINRARA - N30	7,472	21	PANDAMARAN - N 47	4,960	40	DUSUN TUA - N23	3,512
3	MERU - N42	7,457	22	SERI SETIA -N32	4,950	41	KOTA ALAM SHAH - N48	3,267
4	MORIB - N53	7,305	23	KOTA KEMUNING - N50	4,924	42	SUNGAI AIR TAWAR - N01	3,231
5	RAWANG - N14	6,292	24	SERI KEMBANGAN - N28	4,814	43	HULU BERNAM - N05	3,151
6	BANTING - N52	6,198	25	BATU TIGA - N41	4,748	44	SIJANGKANG - N51	3,135
7	BANDAR BARU KLANG - N45	6,175	26	SUNGAI PANJANG - N03	4,739	45	KUALA KUBU BAHRU - N06	3,103
8	PERMATANG - N09	5,843	27	TAMAN TEMPLER - N15	4,675	46	SUNGAI BURONG - N08	3,042
9	TANJUNG SEPAT - N54	5,778	28	SUNGAI KANDIS - N49	4,620	47	TERATAI - N22	2,942
10	PAYA JARAS - N38	5,762	29	KUANG - N13	4,617	48	BALAKONG - N27	2,769
11	KOTA DAMANSARA - N39	5,565	30	SUNGAI RAMAL - N26	4,552	49	GOMBAK SETIA - N17	2,734
12	DENGKIL - N55	5,526	31	SABAK - N02	4,109	50	SUBANG JAYA - N31	2,693
13	SEMENTA - N43	5,496	32	HULU KELANG - N18	4,022	51	IJOK - N11	2,559
14	SEMENYIH - N24	5,477	33	PELABUHAN KLANG - N46	4,021	52	BUKIT GASING - N34	2,052
15	SUNGAI TUA- N16	5,321	34	LEMBAH JAYA - N20	4,006	53	PANDAN INDAH - N21	1,896
16	BUKIT MELAWATI - N10	5,280	35	BUKIT ANTARABANGSA - N19	3,998	54	SELAT KLANG - N44	1,669
17	SUNGAI PELEK - N56	5,277	36	KOTA ANGGERIK - N40	3,831	55	BANDAR UTAMA - N36	1,566
18	JERAM - N12	5,259	37	SERI SERDANG - N29	3,772	56	KAMPUNG TUNKU - N35	1,336
JUMLAH								384,375

- b) Penggunaan perbelanjaan rawatan mengikut kawasan Dewan Negeri sehingga 10 Mac 2019 adalah seperti berikut:

NO	DUN	Jumlah Pesakit	Jumlah Berbayar (RM)	NO	DUN	Jumlah Pesakit	Jumlah Berbayar (RM)	NO	DUN	Jumlah Pesakit	Jumlah Berbayar (RM)
1	NA LUAR SELANGOR	41,433	2,299,497.66	20	N32 SERI SETIA	20,059	1,039,910.92	39	N20 LEMBAH JAYA	13,962	712,919.52
2	N07 BATANG KALI	37,406	1,838,673.23	21	N45 BANDAR BARU KLANG	21,719	1,039,458.20	40	N01 SUNGAI AIR TAWAR	13,045	676,484.38
3	N42 MERU	35,922	1,795,957.85	22	N13 KUANG	19,125	1,016,613.15	41	N11 UOK	13,419	670,077.88
4	N52 BANTING	32,548	1,672,233.62	23	N30 KINRARA	19,407	1,013,738.73	42	N06 KUALA KUBU BAHRU	11,469	597,890.60
5	N54 TANJUNG SEPAT	31,072	1,558,510.88	24	N47 PANDAMARAN	20,327	989,951.52	43	N37 BUKIT LANJAN	10,860	582,294.38
6	N53 MORIB	30,550	1,536,675.09	25	N41 BATU TIGA	20,019	969,265.36	44	N18 HULU KELANG	10,793	521,370.19
7	N56 SUNGAI PELEK	28,538	1,442,921.02	26	N46 PELABUHAN KLANG	19,120	948,138.08	45	N19 BUKIT ANTARABANGSA	9,752	491,086.20
8	N24 SEMENYIH	26,500	1,400,740.49	27	N26 SUNGAI RAMAL	18,374	898,035.70	46	N23 DUSUN TUA	9,001	443,115.89
9	N28 SERI KEMBANGAN	26,283	1,351,213.03	28	N16 SUNGAI TUA	17,159	868,699.86	47	N27 BALAKONG	8,479	434,603.79
10	N12 JERAM	25,948	1,336,544.32	29	N15 TAMAN TEMPLER	17,616	847,037.91	48	N05 HULU BERNAM	9,162	429,820.64
11	N55 DENGKIL	26,232	1,302,992.82	30	N39 KOTA DAMANSARA	15,846	835,686.48	49	N48 SENTOSA	7,952	424,099.99
12	N10 BUKIT MELAWATI	24,573	1,285,263.49	31	N25 KAJANG	16,264	832,531.97	50	N17 GOMBAK SETIA	7,340	383,845.90
13	N09 PERMATANG	24,600	1,267,566.71	32	N29 SERI SERDANG	15,989	828,905.72	51	N22 TERATAI	6,356	347,276.99
14	N43 SEMENTA	23,449	1,189,702.71	33	N02 SABAK	15,420	788,061.43	52	N31 SUBANG JAYA	6,660	334,067.85
15	N14 RAWANG	22,617	1,175,817.53	34	N04 SEKINCHAN	14,375	758,992.73	53	N44 SELAT KLANG	5,669	292,138.81
16	N33 TAMAN MEDAN	22,721	1,145,365.82	35	N51 SIJANGKANG	15,192	749,738.72	54	N21 PANDAN INDAH	5,402	278,418.12
17	N38 PAYA JARAS	21,331	1,134,511.70	36	N40 KOTA ANGGERIK	14,693	746,914.36	55	N34 BUKIT GASING	2,928	149,363.38
18	N03 SUNGAI PANJANG	23,110	1,121,275.31	37	N50 KOTA KEMUNING	14,313	745,710.96	56	N35 KAMPUNG TUNKU	2,656	134,188.52
19	N49 SUNGAI KANDIS	21,038	1,099,517.48	38	N08 SUNGAI BURONG	14,261	726,417.71	57	N36 BANDAR UTAMA	2,325	121,261.87
											JUMLAH
											1,012,379 51,623,115.17

- c) Terdapat sebanyak 32 klinik panel yang didaftarkan dan terletak di kawasan DUN Rawang seperti berikut:

Bil	Nama	No. Telefon
1	KLINIK SP CARE (RAWANG)	03-60918753
2	KLINIK SP CARE (COUNTRY HOMES)	03-60937704
3	KLINIK AMAR (BANDAR BARU RAWANG)	03-60925003
4	KLINIK AMAR (BANDAR COUNTRY HOMES)	03-67338203
5	KLINIK DAN SURGERI DR. CHEW	018-9356474
6	KLINIK PERUBATAN DAN PEMBEDAHAN KHADIJAH SDN BHD (RAWANG)	03-60931829
7	KLINIK PERUBATAN DAN PEMBEDAHAN KHADIJAH SDN BHD	03-60931829
8	KLINIK ILHAM (BANDAR TASIK PUTERI)	03-60345330
9	KLINIK WONG SINGH (JALAN IPOH)	03-60910939
10	KLINIK WONG SINGH (RAWANG IDAMAN)	03-60920939
11	KLINIK KESAVAN (PUSAT BANDAR RAWANG)	03-60925320
12	KLINIK NG DAN SINGH (RAWANG)	03-60926939
13	KLINIK NG DAN SINGH (RAWANG INTEGRATED INDUSTRIAL)	03-60939939
14	KLINIK NG DAN SINGH (BANDAR COUNTRY HOMES)	03-60924930
15	KLINIK NG DAN SINGH (BANDAR BUKIT SENTOSA)	03-60283384
16	POLIKLINIK DAN SURGERI MAXMEDIK (RAWANG)	03-60917980
17	KLINIK DHARAN (PUSAT BANDAR RAWANG)	03-60918415

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>No. Telefon</b>
18	KLINIK NAJIAH (BANDAR COUNTRY HOMES)	03-67331788
19	KLINIK MEDIVIRON (BANDAR COUNTRY HOMES)	03-67331706
20	KLINIK MEDIVIRON (BANDAR BARU RAWANG)	03-60916989
21	KLINIK MEDIVIRON (BUKIT BERUNTUNG)	03-60201893
22	POLIKLINIK SYIFA & SURGERI (SUNGAI BUAYA)	60360213240
23	KLINIK LIM (TAMAN TUN TEJA)	60360992929
24	KLINIK WONG SINGH (COUNTRY HOMES)	60360916513
25	KPJ RAWANG SPECIALIST HOSPITAL	03-60998999
26	BP DIAGNOSTIC CENTRE SDN BHD (RAWANG)	60360931333
27	KLINIK DAN SURGERI S.G SUNDARE (MAXWELL)	03-60919886
28	KLINIK ANDALUSIA (RAWANG)	03-60901690
29	TAN DISPENSARY (RAWANG)	03-60916475
30	KLINIK NG DAN SINGH (BUKIT BERUNTUNG)	03-60282939
31	MAHAMAS POLYCLINIC & SURGERY (RAWANG)	03-60212178
32	KLINIK SP CARE SUNGAI CHOH	03-60901187

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan berapa kilang yang masih belum diselesaikan bawah program Pemutihan Kilang?
  - Nyatakan berapa kilang haram yang telah diselesaikan sejak tahun 2008 sehingga kini mengikut DUN?

**JAWAPAN:**

- Terdapat 2,149 buah kilang yang masih belum diputihkan sehingga Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor tamat pada 31 Disember 2015.
- Sepanjang tempoh PPKTK di Negeri Selangor berkuatkuasa iaitu pada Julai 2006 hingga berakhir pada 31 Disember 2015, hanya 630 buah kilang berjaya diputihkan yang bermaksud telah mempunyai kelulusan tukar syarat, kebenaran merancang dan pelan bangunan. Laporan Kemajuan Pemuthian Kilang Tanpa Kebenaran mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **Lampiran A**.

**Lampiran A**

**LAPORAN KEMAJUAN PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT KAWASAN DEWAN NEGERI (DUN)**

Daerah	PBT	Jumlah				Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)						
		Lot	Kilang	Jum. Lot	Jum. Kilang	Kawasan DUN			Jum. Yang Telah Diputihkan	Jum. (PBT)	Jum. Yang Belum Diputihkan	Jum. (PBT)
Petaling	MBSA	787	705	952	977	N38	Paya Jaras	Seksyen	3	78	14	627
						N39	Kota Damansara	U3	3		14	
						N38	Paya Jaras	Seksyen	6		95	
						N39	Kota Damansara	U4	6		94	
						N39	Kota Damansara	Seksyen	26		57	
						N40	Kota Anggerik	U6	27		58	
						N42	Meru	Seksyen	0		3	
						N42	Meru	U14	0		3	
						N38	Paya Jaras	Seksyen	4		145	
						N39	Kota Damansara	U19	3		144	
MBPJ	MBPJ	20	20			Bandar Utama		0	0	17	20	
						Kampung Tunku		0		3		
MPSJ	MPSJ	145	252			N28 Seri Kembangan		0	0	104	252	
						N29 Seri Serdang		0		18		
						N30 Kinrara		0		38		
						N31 Subang Jaya		0		88		
						N50 Seri Muda		0		4		

□

Daerah	PBT	Jumlah				Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)						
		Lot	Kilang	Jum. Lot	Jum. Kilang	Kawasan DUN			Jum. Yang Telah Diputihkan	Jum. (PBT)	Jum. Yang Belum Diputihkan	Jum. (PBT)
Klang	MBSA	226	227	761	848	N40	Kota Anggerik	Seksyen 16	4	13	37	214
						N50	Sri Muda	Seksyen 25	1		22	
						N50	Sri Muda	Seksyen 32	1		45	
						N49	Sungai Kandis	Seksyen 34	3		37	
						N49	Sungai Kandis	Seksyen 35	1		21	
						N48	Sentosa	Seksyen 36	0		26	
						N49	Sungai Kandis		3		26	
	MPK	535	621	848	100	N40	Kota Anggerik		2		0	435
						N41	Batu Tiga		0		6	
						N42	Meru		15		63	
						N43	Sementa		6		199	
						N44	Selat Klang		4		10	
						N45	Bandar Baru Klang		6		24	
						N46	Pelabuhan Klang		59		78	
						N47	Pandamaran		1		3	
						N48	Sentosa		5		28	
						N49	Sungai Kandis		2		24	
Hulu Langat	MPKi	351	389	351	428	N23	Dusun Tua		4	236	2	153
						N24	Semenyih		22		40	
						N25	Kajang		9		13	
						N26	Sungai Ramal		23		19	
						N27	Balakong		178		79	
	MPAJ	0	39				Bukit Antarabangsa		0		39	39

Daerah	PBT	Jumlah				Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)					
		Lot	Kilang	Jum. Lot	Jum. Kilang	Kawasan DUN		Jum. Yang Telah Diputihkan	Jum. (PBT)	Jum. Yang Belum Diputihkan	Jum. (PBT)
Gombak	MPAJ	0	0	137	157	-		0			0
	MPS	137	157			N13 Kuang		0	23	16	114
						N14 Rawang		4		37	
						N16 Sungai Tua		9		51	
						N37 Bukit Lanjan		10		10	
Sepang	MPSp	64	55	64	55	N55 Dengkil		47	55	0	0
						N56 Sungai Pelek		8		0	
Kuala Langat	MDKL	177	196	177	196	N51 Sijangkang		62	98	26	98
						N52 Banting		19		33	
						N53 Morib		11		11	
						N54 Tanjung Sepat		3		24	
						N55 Dengkil		3		4	
Kuala Selangor	MDKS	149	149	149	149	N08 Sungai Burong		1	7	6	142
						N09 Permatang		1		23	
						N10 Bukit Melawati		1		27	
						N11 Ijok		1		44	
						N12 Jeram		3		42	
Hulu Selangor	MDHS	23	53	23	53	Kuala Kubu Baru		4	16	4	37
						Batang Kali		11		22	
						Hulu Bernam		1		11	
Sabak Bernam	MDSB	24	22	24	22	N01 Sungai Air Tawar		0	4	1	18
						N02 Sabak		2		5	
						N03 Sungai Panjang		0		4	
						N04 Sekinchan		2		8	
Jumlah		2,638	2,885	2,638	2,885	Jumlah		630	630	2,149	2,149

Nota: Dikemaskini pada 26.11.2018

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : ADUAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah Inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar wabak denggi di kawasan Daerah Klang dan khususnya DUN Sentosa?
  - Sila nyatakan aduan yang diterima oleh Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Bandaraya Shah Alam mengikut kategori dan jenis aduan daripada tahun 2018 sehingga kini di DUN Sentosa dan nyatakan berapakah jumlah aduan yang dapat diselesaikan oleh pihak MPK dan MBSA?
  - Apakah kaedah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membaik pulih masalah infra di jalan-jalan JKR di Daerah Klang?

**JAWAPAN:**

- Berikut merupakan inisiatif yang telah diambil oleh Majlis Perbandaran Klang bagi mengurangkan kadar wabak denggi di kawasan Daerah Klang:
  - Memperuntukkan sebanyak RM 5,000.00 kepada setiap Ahli Majlis kawasan bagi tujuan progam “Gempur Aedes” di kawasan masing-masing.
  - Mengadakan OPS Bersepadu PBT Selangor bagi tujuan membantu dalam kawalan dan pencegahan demam denggi di Daerah Klang.
  - Memperkasakan COMBI dalam komuniti untuk menjalankan promosi kesihatan dari rumah ke rumah dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes melalui Ahli Majlis kawasan.
  - Mewujudkan OSCC (*One Stop Crisis Centre*) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Klang, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Bandaraya Shah Alam bagi tujuan menganalisa, merancang dan menyelaraskan kes demam denggi bagi menjalankan aktiviti kawalan yang berkesan.
- Jumlah aduan yang telah diterima oleh MPK dan MBSA di DUN Sentosa serta jumlah selesai adalah seperti berikut:-

Jumlah Aduan diterima di DUN Sentosa (kawasan Majlis Perbandaran Klang)

PBT	Tahun 2018			
MPK	Kawasan	Jumlah Terima	Jumlah Selesai	Dalam Tindakan
	DUN Sentosa	2515	2494	21

PBT	Tahun 2019 (Januari hingga 11 Mac 2019)			
MPK	Kawasan	Jumlah Terima	Jumlah Selesai	Dalam Tindakan
	DUN Sentosa	584	503	81

Catatan:-

Senarai Kategori Aduan	Tahun	
	2019	2018
Bangunan	22	81
Gangguan Bintang	77	350
Jalan	49	197
Lampu	70	476
Longkang/Parit	42	250
Kenderaan Berat	16	40
Kenderaan Buruk	28	64
Sampah	59	173
Rumput	25	69
Rumah Kosong/tinggal	4	30
Perniagaan	35	87
Pelbagai	157	698
<b>Jumlah</b>	<b>584</b>	<b>2515</b>

Jumlah Aduan diterima di DUN Sentosa (kawasan PBT Majlis Bandaraya Shah Alam)

PBT	TAHUN	2018		
	SEKSYEN (KAWASAN)	JUMLAH ADUAN DITERIMA	JUMLAH ADUAN SELESAI	JUMLAH DALAM TINDAKAN
MBSA	29	221	201	20
	30	523	504	19
	32	2,050	2,003	47

PBT	TAHUN	2018		
	SEKSYEN (KAWASAN)	JUMLAH ADUAN DITERIMA	JUMLAH ADUAN SELESAI	JUMLAH DALAM TINDAKAN
	34	141	130	11
	35	660	654	6
	36	402	383	19
<b>JUMLAH KESELURUHAN ADUAN</b>		<b>3,997</b>	<b>3,875</b>	<b>122</b>

PBT	TAHUN	JAN – FEB 2019		
	SEKSYEN (KAWASAN)	JUMLAH ADUAN DITERIMA	JUMLAH ADUAN SELESAI	JUMLAH DALAM TINDAKAN
MBSA	29	36	21	15
	30	123	61	62
	32	501	287	214
	34	35	17	18
	35	113	62	51
	36	88	15	73
<b>JUMLAH KESELURUHAN ADUAN</b>		<b>896</b>	<b>463</b>	<b>433</b>

- c) Bagi penyenggaraan Jalan Negeri adalah seperti berikut:-

Pihak JKR sememangnya komited untuk menangani sebarang kerosakan jalan di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, pelbagai kaedah penyelenggaraan telah diwujudkan bagi mengatasi masalah ini. Antara kaedah-kaedah penyelenggaraan yang telah dilaksanakan oleh pihak JKR adalah seperti berikut:

i. Kontrak Jangka Panjang

Skop utama kontrak ini melibatkan kerja-kerja penyenggaraan rutin. Kerja rutin dilaksanakan mengikut kitaran serta keperluan di tapak secara bulanan. Selain itu, kerja penyenggaraan lain adalah kerja berkala pavemen dan berkala bukan pavemen, kerja penyenggaraan kecemasan serta kerja penyenggaraan elektrik mengikut keperluan dan peruntukan yang dihadkan.

ii. Kontrak Berpusat

Melibatkan skop utama kerja membaik pulih jalan yang melebihi nilai RM500,000.00 dan telah mengalami kerosakan yang teruk. Jalan-jalan yang bermasalah akan dikenal pasti di tapak dan dikumpulkan untuk dilaksanakan kerja pembaikan di bawah kontrak ini.

iii. Sebut harga oleh JKR Daerah

Sebut harga ditawarkan di peringkat Daerah dan juga oleh JKR Elektrik. Melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan/ baik pulih jalan dan kerja elektrik di Jalan Negeri yang bernilai di bawah RM500,000.00. Pelaksanaan dan pemantauan dibuat di JKR Daerah.

iv. Tender/ Sebut harga khas

Tawaran tender/ sebut harga ini dibuat mengikut keperluan untuk kerja-kerja tertentu yang kritikal dan perlu dibaikpulih segera. Kos serta tempoh kontrak adalah mengikut kontrak yang telah dimeterai antara pihak kontraktor dan Kerajaan.

Bagi penyenggaraan Jalan Persekutuan adalah seperti berikut:

Kebanyakkan jalan-jalan persekutuan di Daerah Klang menjadi laluan kenderaan berat terutamanya jalan menuju ke Pelabuhan Klang yang menyebabkan jalan persekutuan rosak dengan cepat disebabkan kenaikan had beban muatan kenderaan berat yang berkuat kuasa pada tahun 2017. Sehubungan dengan itu, permohonan peruntukan berjumlah RM66.0 juta bagi kerja berkala pavemen dan bagi jalan-jalan persekutuan di Daerah Klang telah dipohon ke Kementerian Kerja Raya melalui Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Walau bagaimanapun, penyenggaraan rutin dilaksanakan melalui Kontrak Penyenggaraan Jalan Persekutuan kepada syarikat konsesi. Skop utama kontrak ini melibatkan kerja-kerja penyenggaraan rutin. Kerja rutin dilaksanakan mengikut kitaran serta keperluan di tapak secara bulanan seperti R01-penampalan *potholes*, R02-pembaikan bahu jalan dan lain-lain. Selain itu, kerja penyenggaraan lain adalah kerja berkala pavemen dan berkala bukan pavemen, kerja penyenggaraan kecemasan serta kerja penyenggaraan elektrik mengikut keperluan dan peruntukan yang dihadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : MASALAH INFRA**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar wabak denggi di kawasan Daerah Klang dan Khususnya DUN Sentosa?
  - Adakah Pihak Berkuasa Tempatan/ Majlis Perbandaran mengenakan tindakan terhadap premis perniagaan tanpa tong sampah?
  - Mampukah PBT membekalkan tong sampah kepada premis perniagaan?

**JAWAPAN:**

- Berikut merupakan inisiatif yang telah diambil oleh **Majlis Perbandaran Klang (MPK)** bagi mengurangkan kadar wabak denggi di kawasan Daerah Klang:
  - Memperuntukkan sebanyak RM 5,000.00 kepada setiap Ahli Majlis kawasan bagi tujuan progam “Gempur Aedes” di kawasan masing-masing.
  - Mengadakan OPS Bersepadu PBT Selangor bagi tujuan membantu dalam kawalan dan pencegahan demam denggi di daerah Klang.
  - Memperkasakan COMBI dalam komuniti untuk menjalankan promosi kesihatan dari rumah ke rumah dan pemusnahan tempat pemberian nyamuk Aedes melalui Ahli Majlis kawasan.
  - Mewujudkan OSCC (One Stop Crisis Centre) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Klang, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Bandaraya Shah Alam bagi tujuan menganalisa, merancang dan menyelaraskan kes demam denggi bagi menjalankan aktiviti kawalan yang berkesan.
- PBT mensyaratkan setiap premis perniagaan perlu menyediakan tong sampah yang seragam iaitu tong sampah mudah alih (MGB) bersaiz 660L bagi premis makanan dan tong sampah mudah alih (MGB) bersaiz 240L bagi premis perniagaan yang lain. Bagi premis perniagaan yang gagal menyediakan tong sampah seperti yang disyaratkan, pihak PBT akan mengenakan tindakan notis amaran atau kompaun secara terus di bawah punca kuasa perundangan berikut:

1. Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007
  2. Undang – Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap 2007
- c) Secara prinsipnya, penyediaan tong sampah di premis perniagaan adalah di bawah tanggungjawab setiap pengusaha perniagaan itu sendiri dan ia diletakkan di bawah syarat lesen perniagaan. Adalah tidak wajar PBT menyediakan tong sampah kepada sesebuah premis perniagaan kerana permintaan sama akan turut dilaksanakan oleh pengusaha perniagaan yang lain dan seterusnya akan melibatkan implikasi kewangan yang besar oleh PBT. Sehubungan dengan itu, PBT tidak berhasrat untuk menyediakan tong sampah kepada premis perniagaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sentosa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PERINCIAN BILANGAN MASJID DAN SURAU**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah terperinci bilangan masjid dan surau yang terletak di bawah kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan yang didaftarkan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah perincian bilangan masjid dan surau yang terletak di bawah kawasan MBSA yang didaftarkan di bawah JAIS adalah seperti maklumat berikut :

BIL.	KATEGORI	KARIAH	INSTITUSI	JUMLAH
1.	Masjid	32	1	33
2.	Surau Jumaat	30	4	34
3.	Surau Biasa	125	8	133

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : STATUS PENUBUHAN JMB DI PANGSAPURI PKNS DI DALAM  
KAWASAN MBSA**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini penubuhan Jawatankuasa Mengurus Bangunan (JMB) di pangsapuri-pangsapuri yang dibangunkan oleh PKNS di dalam kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)?
- b) Merujuk kepada soalan (a), berapakah jumlah JMB yang telah berjaya ditubuhkan dan sejauh manakah tahap keaktifan JMB ini?
- c) Apakah perancangan PKNS untuk membantu pengurusan JMB pangsapuri khususnya berkaitan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan seperti perparitan, pembentungan dan lain-lain?

**JAWAPAN:**

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)**

- a) Berdasarkan rekod bahagian ini, berikut merupakan status terkini penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) bagi pangsapuri-pangsapuri yang dibangunkan oleh PKNS mengikut kategori di bawah kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA):

KATEGORI	JUMLAH KAWASAN PEMAJUAN	JMB	MC	BELUM TUBUH (BAWAH PKNS)
<b>KOS TINGGI</b>	10	7	-	3
<b>KOS SEDERHANA</b>	-	-	-	-
<b>KOS SEDERHANA RENDAH</b>	46	20	25	1
<b>KOS RENDAH</b>	66	19	4	43
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>122</b>	<b>46</b>	<b>29</b>	<b>47</b>

- b) Berdasarkan kepada jadual di atas daripada jumlah keseluruhan 122 kawasan pemajuan sebanyak 75 kawasan pemajuan telah berjaya menubuhkan jawatankuasa badan pengurusan. Bahagian ini berpandangan bahawa suatu badan pengurusan yang aktif hendaklah:
- i. Mengurus, mentadbir dan menyenggara kawasan harta bersama pangsapuri dengan baik
  - ii. Membuat kutipan caj penyenggaraan
  - iii. Mengadakan mesyuarat agung tahunan sekali setahun
  - iv. Sentiasa berhubung dengan COB dan memohon nasihat berkaitan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
  - v. Menfaillkan dengan COB laporan kewangan beraudit dan lain-lain dokumen yang berkaitan berdasarkan Akta 757

### **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

- c) PKNS telahpun melaksanakan pengurusan pembangunan berstrata berdasarkan pengurusan Akta Badan Pengurusan Bersama (663) dan diteruskan dengan Akta Pengurusan Strata (757). Di antara perancangan PKNS untuk membantu pengurusan JMB adalah dengan menyediakan khidmat nasihat kepada penduduk pangsapuri di bawah pembangunan PKNS walaupun setelah JMB ditubuhkan.

PKNS turut membantu JMB dengan mewujudkan modal permulaan bagi pangsapuri lama yang melebihi 20 tahun pembangunan untuk tujuan pemberian infrastruktur dan pengurusan pangsapuri seperti insurans bangunan, pejabat, peralatan dan baikpulih kawasan gunasama. PKNS juga turut membantu memantau perjalanan JMB bagi memastikan JMB mematuhi peraturan pengurusan strata.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan Skim Ceria bagi pangsapuri untuk pemberian infrastruktur seperti lif, bumbung, tangki dan lain-lain kerja naik taraf bangunan yang dikelolakan oleh LPHS.

Penyelenggaraan infrastruktur seperti sistem perparitan, sistem pembetungan dan lain-lain berkaitan yang berada di dalam persempadanan MC adalah dibawah seliaan PKNS selagi belum diserah kepada JMB/Perbadanan Pengurusan atau COB PBT jika penubuhan JMB/PP gagal. Manakala kerja-kerja naiktaraf infrastruktur utama seperti sistem perparitan, sistem pembetungan dan lain yang melibatkan agensi utiliti, adalah tertakluk dalam bidang kuasa agensi tersebut.